

## TERMA & SYARAT KAD HADIAH MY.SHOP.COM

Terma dan syarat berikut digunapakai untuk penggunaan kad hadiah MY.SHOP.COM anda ("Terma dan Syarat") Dengan mendapatkan atau menggunakan Kad Hadiah MY.SHOP.COM., anda bersetuju kepada Terma dan Syarat berikut. Terma "anda" merujuk kepada individu yang telah membeli kad hadiah MY.SHOP.COM dan/atau individu yang menggunakan Kad Hadiah MY.SHOP.COM. Terma "kami" merujuk kepada Market Malaysia Shop Sdn. Bhd; Terma "Kad Hadiah" merujuk kepada Kad Hadiah MY.SHOP.COM.

### 1. KAD HADIAH

Kad Hadiah adalah medium pembayaran prabayar yang didatangkan dengan nilai Ringgit Malaysia yang telah ditetapkan. Ia bukan kad kredit, kad caj atau kad debit. Pembelian akan ditolak daripada baki Kad Hadiah tersebut. Nilai wang yang tersedia dalam Kad Hadiah pada sesuatu masa dirujuk sebagai "Dana Tersedia dalam Terma dan Syarat ini." Kad Hadiah boleh ditebus menerusi laman web MY.SHOP.COM, untuk pembelian produk yang layak. Kad Hadiah tidak boleh ditebus melalui penjual pihak ketiga di MY.SHOP.COM dan tidak boleh digunakan untuk membeli Kad Hadiah lain. Kad Hadiah tidak boleh ditebus untuk wang tunai atau kredit melainkan diperuntukkan oleh undang-undang. Selepas dibeli, Kad Hadiah tidak boleh dipulangkan semula sama sekali. Kad Hadiah mestilah diaktifkan sebelum ia ditebus dan tidak boleh dipindah milik selepas pengaktifan.

### 2. YURAN PENYELENGGARAAN

Tiada yuran penyelenggaraan berkaitan yang dikenakan dengan Kad Hadiah ini.

### 3. MAKLUMAT MENGENAI DANA TERSEDIA DALAM KAD HADIAH

Kad Hadiah ini tiada nilai tebusan sebelum ia diaktifkan. Apabila anda menggunakan Kad Hadiah, Dana Tersedia akan dikurangkan mengikut jumlah penuh setiap pembelian termasuk cukai, dan kos lain. Selepas Dana Tersedia telah digunakan, Kad Hadiah tersebut tidak lagi sah. Kad Hadiah tidak boleh ditambah nilai.

### 4. KAD HILANG ATAU DICURI

**ANDA BERSETUJU UNTUK MENJAGA KAD HADIAH ANDA DAN MENGANGGAPNYA SEPERTI WANG TUNAI.** Kami menggalakkan anda untuk mengaktifkan Kad Hadiah anda serta merta selepas menerima emel pengesahan pembelian anda. Sekiranya Kad Hadiah anda dicuri atau disalah guna, anda perlu melaporkannya segera kepada Khidmat Pelanggan dengan menghubungi +6 03 2289 3388. Anda perlu memberikan nombor Kad Hadiah dan butiran pengenalan lain. Kami tidak boleh memberikan kad gantian sekiranya anda tidak mempunyai nombor Kad Hadiah anda dan belum mengaktifkan kad tersebut sebelum ia hilang. Sekiranya anda tidak mempunyai nombor Kad Hadiah anda namun telah mengaktifkan Kad Hadiah tersebut dan rekod kami menunjukkan terdapat Dana Tersedia dalam Kad Hadiah tersebut, kami akan membatalkan Kad Hadiah dan menghantar satu emel kepada anda dengan Kad Hadiah gantian tersebut. Kad Hadiah gantian tersebut akan mempunyai jumlah Dana Tersedia sama dengan Kad Hadiah hilang/ dicuri tersebut semasa kami dimaklumkan mengenai kecurian/ kehilangan kad tersebut. **TIADA PEMBAYARAN SEMULA AKAN DIBERIKAN UNTUK JUMLAH YANG DIDEBITKAN DARIPADA KAD HADIAH HILANG/DICURI SEBELUM ANDA MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI.**

## 5. MENGGUNAKAN KAD HADIAH

Anda bersetuju untuk menggunakan Kad Hadiah ini untuk kegunaan yang tidak melanggar undang-undang. Anda membenarkan kami untuk menolak jumlah penuh bagi setiap pembelian termasuk cukai dan sebarang kos yang terpakai daripada Dana Tersedia apabila Kad Hadiah anda digunakan untuk membuat pembelian. Anda bersetuju untuk menjejak Dana Tersedia dalam Kad Hadiah anda. Kad Hadiah ini tidak boleh dipindah milik dan anda bersetuju untuk tidak membenarkan mana-mana individu lain untuk menggunakan Kad Hadiah ini selepas ia diaktifkan. Sekiranya anda yakin bahawa maklumat Kad Hadiah anda telah hilang atau dicuri, anda perlu melayari MY.SHOP.COM dengan segera dan mengikuti arahan yang diberikan. Anda telah bersetuju bahawa pembelian yang dibuat menggunakan kad prabayar, seperti Kad Hadiah ini, adalah sama seperti bayaran tunai. Anda tidak boleh "menghentikan bayaran" atau melaporkan sebarang "percanggahan pembilan" bagi transaksi tersebut.

## 6. ITEM YANG DIPULANGKAN

SILA AMBIL MAKLUM SEMUA DASAR PEMULANGAN YANG TERPAKAI SEBELUM MELENGKAPKAN SEBARANG TRANSAKSI. Sekiranya anda ingin memulangkan sebarang item yang dibeli dengan Kad Hadiah, anda termaktub dalam semua dasar pemulangan yang terpakai. Sekiranya anda diberikan kredit di MY.SHOP.COM, dana tersebut tidak akan tersedia untuk tempoh 3 sehingga 7 hari.

## 7. PENAFIAN JAMINAN.

ANDA BERSETUJU BAHAWA PENGGUNAAN KAD HADIAH INI ADALAH ATAS RISIKO TERSENDIRI. KAD HADIAH INI DISEDIAKAN ATAS DASAR "SEBAGAIMANA SEADANYA" DAN "SEPERTI YANG TERSEDIA". MARKET MALAYSIA SHOP SDN BHD MENAFIKAN SEBARANG JENIS JAMINAN, SAMA ADA YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, JAMINAN TERSIRAT KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN TIADA PELANGGARAN. TIADA NASIHAT ATAU MAKLUMAT, SAMA ADA SECARA LISAN ATAU BERTULIS, YANG DITERIMA OLEH ANDA DARIPADA MARKETMALAYSIA SHOP SDN BHD YANG AKAN MENGHASILKAN SEBARANG BENTUK JAMINAN YANG TIDAK DINYATAKAN SECARA JELAS DALAM TERMA DAN SYARAT INI.

## 8. PEMBATASAN LIABILITI

SECARA JELASNYA, ANDA MEMAHAMI DAN BERSETUJU BAHAWA MARKET MALAYSIA SHOP SDN BHD ATAU MANA-MANA SEKUTU, PEMEGANG LESEN, ATAU PEMBEKAL SYARIKAT INI TIDAK MEMEGANG LIABILITI UNTUK SEBARANG KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, TIDAK DISENGAJAKAN, KHUSUS, BERSEBAB ATAU DICONTOHI, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, KEROSAKAN YANG MELIBATKAN KERUGIAN, NAMA BAIK, PENGGUNAAN, DATA ATAU KEHILANGAN BERKAITAN YANG LAIN HASIL DARIPADA PENGGUNAAN KAD HADIAH INI ATAU SEBARANG SEBAB YANG BERKAITAN DENGAN LAMAN INI WALAUPUN MARKET MALAYSIA SHOP SDN BHD ATAU MANA-MANA SEKUTU, PEMEGANG LESEN ATAU PEMBEKAL BERKAITAN DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN ATAU KEBARANGKALIAN KEROSAKAN, KEHILANGAN ATAU PERBELANJAAN YANG DINYATAKAN. SESETENGAH UNDANG-UNDANG TIDAK MEMBENARKAN HAD ATAU JAMINAN TERNYATA ATAU PENGECUALIAN ATAU HAD KEROSAKAN TERTENTU. SEKIRANYA ANDA TERMAKTUB DENGAN UNDANG-UNDANG INI, SEBAHAGIAN ATAU SEMUA PENAFIAN DI ATAS, PENGECUALIAN ATAU HAD TIDAK TERPAKAI UNTUK ANDA, DAN ANDA MUNGKIN MEMPUNYAI HAK TAMBAHAN.

## 9. PERLINDUNGAN

Anda bersetuju untuk melindungi dan mengiktiraf Market Malaysia Shop Sdn. Bhd serta syarikat induk, subsidiari, sekutu, pegawai dan kakitangan, bebas daripada sebarang tuntutan, permintaan atau kerosakan, termasuk bayaran guaman tertentu, yang ditetapkan oleh sebarang pihak ketiga disebabkan atau berpunca daripada penggunaan Kad Hadiah anda.

#### 10. PENGGUBALAN TERMA DAN SYARAT / NOTIS / PEMBATALAN KAD HADIAH

Kami mungkin mengubah terma, atau menambah terma baharu, kepada Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa, dengan sebab atau tidak, dan tanpa memaklumkan anda, bersesuaian dengan undang-undang yang terpakai. Selain itu, kami mungkin menanggung, membatalkan, menambah, menggubal atau memadam sebarang ciri-ciri yang berkaitan dengan Kad Hadiah anda menurut budi bicara kami pada bila-bila masa, dengan atau tanpa sebarang sebab, dan tanpa memberikan sebarang makluman kepada anda, tertakluk kepada syarat yang terpakai. Jika kami membatalkan Kad Hadiah anda, sebarang baki Dana Tersedia dalam Kad Hadiah ini selepas pembatalan yang dinyatakan, selepas pembayaran kesemua bayaran yang terpakai, akan dikembalikan kepada anda.

#### 11. TUGASAN DAN PENEPIAN

Kami mungkin menugaskan Terma dan Syarat berikut kepada pihak ketiga pada bila-bila masa tanpa sebarang notis kepada anda. Namun, sekiranya kami menugaskan Terma dan Syarat ini, terma-terma ini akan terus kekal penting dan berpandu melainkan anda dimaklumkan yang sebaliknya. Sekiranya kami mengembalikan tuntutan pembayaran semula yang telah dibuat anda untuk Kad Hadiah yang hilang atau dicuri, atau sekiranya kami memberikan anda kredit atau pembayaran berkaitan sebarang masalah yang wujud daripada sebarang transaksi yang dibuat dengan Kad Hadiah, anda secara automatik akan menugaskan dan memindahkan kepada kami sebarang hak dan tuntutan, tidak termasuk tuntutan ganti rugi, yang mungkin anda pernah ada terhadap sebarang pihak ketiga untuk satu jumlah bersamaan jumlah yang telah kami bayar kepada anda atau dikreditkan kepada Kad Hadiah anda. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan melakukan sebarang tuntutan terhadap, atau ganti rugi daripada, pihak ketiga seperti tersebut untuk jumlah yang telah dibayar atau dikreditkan oleh kami ke Kad Hadiah anda dan anda akan bekerjasama dengan kami sekiranya kami menetapkan untuk menuntut jumlah yang telah dibayar atau dikreditkan daripada pihak ketiga. Kegagalan kami untuk menguatkuasakan sebarang hak kami bawah Terma dan Syarat ini, atau kelewatan untuk menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang hak kami, tidak boleh menepikan hak tersebut. Selain itu, sekiranya kami mengetepikan sebarang hak daripada Terma dan Syarat ini dalam keadaan tertentu, penepian tersebut tidak boleh digunakan untuk mana-mana keadaan lain.

#### 12. PERLINDUNGAN DATA DAN PRIVASI

Semua pembelian termaktub kepada Dasar Privasi, yang boleh didapati di MY.SHOP.COM. Sila lihat Dasar Privasi kami, yang juga terpakai kepada lawatan anda ke MY.SHOP.COM, melainkan dimaklumkan sebaliknya.

#### 13. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

a. Terma dan Syarat Kad Hadiah MY.SHOP.COM ini terpakai untuk semua pembelian yang dilakukan di MY.SHOP.COM menggunakan Kad Hadiah MY.SHOP.COM. Kesemua Terma dan Syarat ini dan Kad Hadiah anda, serta sebarang soalan mengenai kesahihannya, penguatkuasaannya dan penterjemahannya, dikawal selia oleh undang-undang Malaysia (tanpa mengambil kira prinsip dalaman

bagi undang-undang bercanggah) Anda dengan ini memberi persetujuan muktamad kepada bidang kuasa eksklusif dan tempat mahkamah di Malaysia.

dalam semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad Hadiah ini.

b. Dengan menggunakan Kad Hadiah ini anda bersetuju bahawa Kad Hadiah ini dibeli dan dikeluarkan di Malaysia.

#### 14. PERUNTUKAN UMUM

a. Anda bersetuju bahawa tiada hubungan usaha sama, perkongsian, penggajian atau agensi wujud antara anda dan Market Malaysia Shop Sdn. Bhd. sebagai akibat daripada Terma dan Syarat ini atau untuk penggunaan Kad Hadiah ini.

b. Kami memegang hak untuk mendedahkan sebarang maklumat peribadi anda atau penggunaan Kad Hadiah anda tanpa kebenaran awal anda sekiranya kami mengenalpasti bahawa tindakan tersebut diperlukan untuk: (1) mengikuti syarat undang-undang atau mengikuti proses undang-undang; (2) melindungi dan mempertahankan hak atau hak milik Market Malaysia Shop Sdn. Bhd. atau syarikat sekutunya; (3) melaksanakan Terma dan Syarat berikut; atau (4) bertindak untuk melindungi kepentingan Pengedar Bebas, kakitangan, individu prinsip atau rakan bisnes syarikat.

c. Sekiranya mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini ditentukan sebagai tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan menurut undang-undang yang berkuatkuasa termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penafian waranti dan pembatasan liabiliti yang dinyatakan di atas, maka peruntukan yang tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan akan dianggap diatasi oleh peruntukan yang sah dan dapat dikuatkuasakan yang paling hampir sepadan dengan tujuan peruntukan asal dan peringatan bagi Terma dan Syarat ini akan terus dikuatkuasakan.

d. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya di sini, Terma dan Syarat ini membentuk keseluruhan perjanjian antara pengguna dan SHOP MA yang berkenaan dengan Kad Hadiah dan Terma dan Syarat ini yang mengatasi semua komunikasi dan cadangan terdahulu dan serentak, sama ada dalam bentuk elektronik, lisan atau bertulis, antara anda dan kami mengenai penggunaan Kad Hadiah ini.

e. Versi bercetak Terma dan Syarat ini dan mana-mana notis yang diberi dalam bentuk elektronik boleh dikemukakan dalam perbicaraan kehakiman atau pentadbiran berdasarkan atau berkaitan dengan perjanjian ini pada tahap sama dan tertakluk kepada syarat yang sama sebagaimana dokumen dan rekod perniagaan lain yang asalnya dijana dan dikekalkan dalam bentuk bercetak.

Dikemaskini 2 Februari 2021.